Radio dan Talivisyen,mengetahui serta memahami dengan mendalam, semua dasar-dasar penting negara, aspirasi rakyat, kemajuan rancangan-rancangan pembangunan,serta juga perkara-perkara sensitif,dalam hubungan antara kaum di negara ini la memerlukan juga, semangat dedikasi dan sikap positif, kalangan pegawai yang berkenaan. Para anggota RTM perlu menyedia dan mengusahakan penerbitan dan penyiaran, yang bukan sahaja baik dan bermutu tinggi, malahan yang penting sekali ialah,penerbitan-penerbitan itu,hendaklah mengelakkan dari menyentuh perkara-perkara sensitif,yang boleh menyinggong perasaan mana-mana kaum.